

08/08/2003

Syabas Malik!

Ahmad Ghazali

SYABAS dan tahniah kepada Abdul Malik Mydin kerana berjaya berenang merentasi Selat Inggeris 4 Ogos lalu .

Amat mengagumkan sekali kerana bukan calang-calang perenang yang mampu menyudahkan renangan penuh cabaran dan penuh risiko. Namun semua itu bukan halangan kepada Malik bagi menyudahkan renangan itu. Cuaca sejuk menjangkau suhu 16 darjah Celsius, ombak yang kuat dan jarak penglihatan kurang jelas perlu diatasi beliau.

Tanpa latihan dan dorongan jitu dan padu serta berkat kesabaran beliau menghadapi dugaan semuanya mungkin terkubur begitu saja. Walaupun tertunda hampir seminggu kerana cuaca yang kurang baik, akhirnya Malik berjaya berenang dan sekali gus menakluk Selat Inggeris.

Maka terpahat dalam sejarah Malaysia seorang anak muda yang bernama Abdul Malik Mydin, rakyat Asia Tenggara yang pertama menakluk Selat Inggeris. Doa dari kami rakyat Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang tidak jemu-jemu bertanyakan khabar kepada beliau dimakbulkan Allah.

Ini adalah hadiah kepada negara sekali gus kepada Dr Mahathir yang akan bersara tidak lama lagi.

Sekali lagi syabas dan tahniah kepada Malik. Malaysia Boleh!!!

AHMAD GHAZALI

hafdzan82@hotmail.com